

LAPORAN TAHUNAN JAWHAR 2007



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
JABATAN PERDANA MENTERI

Cetakan 2008

© Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan diterbitkan semula mana-mana bahagian terbitan ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanikal atau disalin semula tanpa izin Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

Diatur huruf dan dicetak oleh:
Misas Advertising Sdn. Bhd.

Diterbitkan oleh:
JAWHAR
www.jawhar.gov.my

Kandungan

PERUTUSAN YB MENTERI	5
KATA-KATA ALUAN YM DATO' TKSU	6
DARI MEJA KETUA PENGARAH JAWHAR	7
SEPINTAS LALU	9
MAKLUMAT KORPORAT	12
CARTA ORGANISASI JAWHAR	18
MAJLIS-MAJLIS UTAMA JAWHAR 2007	20
PEMBANGUNAN MODAL INSAN	34
PROGRAM KERJASAMA DAN PERKONGSIAN PINTAR DENGAN PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN DALAM DAN LUAR NEGERI	37
ANUGERAH DAN PENCAPAIAN JAWHAR 2007	42
TETAMU JAWHAR	46
JAWHAR DI PERSADA MEDIA	50
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN JAWHAR 2005 – 2007	54

Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri



“ Saya yakin, segala kejayaan dan pencapaian pada tahun 2007 ini, bukanlah penyudah apatah lagi kemuncak, bahkan semuanya ini adalah permulaan kepada usaha dan tekad yang berterusan bagi memastikan segala potensi bidang wakaf, zakat, mal dan haji negara dapat digembung sewajarnya bagi meningkatkan lagi kemajuan sosio-ekonomi umat Islam, sesuai dengan Pendekatan Islam Hadhari yang dipraktikkan oleh kerajaan masa kini. ”

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah yang telah berfirman dalam Surah an-Naba' 78:29, maksudnya: "*Dan setiap sesuatu itu Kami catatkannya dalam suatu kitab*". Selawat serta salam buat Rasulullah SAW, contoh buat sepanjang zaman, juga buat seluruh ahli keluarga dan para Sahabat Baginda yang telah dengan setia berjuang bersama Baginda, sehingga Allah membuat keputusan meninggikan Islam dan memuliakan umatnya.

Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di atas kejayaannya menerbitkan buku Laporan Tahunan JAWHAR 2007. Sesungguhnya, buku laporan tahunan ini secara tuntas berjaya menggambarkan komitmen yang jitu yang telah diambil oleh JAWHAR dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang dipikulnya untuk memantapkan dan memperkasakan lagi institusi wakaf, zakat, mal dan haji negara. Segalanya jelas dimenifestasikan melalui perancangan, program dan pencapaian yang telah diusahakan serta dijayakan oleh JAWHAR sebagaimana yang dapat dilihat di dalam buku Laporan Tahunan JAWHAR 2007 ini.

Saya yakin, segala kejayaan dan pencapaian pada tahun 2007 ini, bukanlah penyudah apatah lagi kemuncak, bahkan semuanya ini adalah permulaan kepada usaha dan tekad yang berterusan bagi memastikan segala potensi bidang wakaf, zakat, mal dan haji negara dapat digembung sewajarnya bagi meningkatkan lagi kemajuan sosio-ekonomi umat Islam, sesuai dengan Pendekatan Islam Hadhari yang dipraktikkan oleh kerajaan masa kini.

Didoakan agar JAWHAR akan terus dinamis dan maju jaya dalam perjuangan mereka, sesuai dengan slogan keramat mereka, "Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad".

والسلام

Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin

Kata-Kata Aluan Dato' TKSU



“ Kewujudan Jabatan ini di tengah-tengah kerancakan dan kepesatan pembangunan negara amat signifikan dengan ajaran Islam yang menggesa umatnya agar terbilang dalam setiap bidang. ”

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana JAWHAR telah melalui tahun 2007 dengan baik dan sempurna. Pada tahun ini banyak kejayaan yang telah ditempa oleh JAWHAR selain pelbagai usaha yang telah dilaksanakan menampakkan kesungguhan di dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Keazaman JAWHAR di dalam menentukan hala tuju yang jelas dapat dilihat dengan terhasilnya Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011). Sebagai sebuah jabatan yang baru tiga (3) tahun ditubuhkan, usaha tersebut merupakan satu langkah yang tepat bagi memastikan supaya JAWHAR sentiasa relevan, mempunyai matlamat yang jelas serta sentiasa membuat penilaian terhadap setiap program yang dilaksanakan dengan wujudnya mekanisme-mekanisme yang telah dibangunkan.

Kewujudan JAWHAR ini di tengah-tengah kerancakan dan kepesatan pembangunan negara amat signifikan dengan ajaran Islam yang menggesa umatnya agar terbilang dalam setiap bidang. Salah satu tonggak kekuatan yang dianjurkan Islam ialah menguasai bidang ekonomi. Ini bermakna JAWHAR adalah sebuah agensi yang berperanan besar dalam membawa kesejahteraan ummah melalui kekuatan ekonomi dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

JAWHAR sebagai sebuah agensi pusat bersama-sama Majlis Agama Islam Negeri akan sentiasa saling bergandingan bagi meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam melalui sumber wakaf, zakat dan lain-lain harta sumber am.

Saya sangat berbesar hati dengan penerbitan buku Laporan Tahunan JAWHAR 2007 ini yang merupakan satu bentuk imbasan hasil usaha gigih seluruh warga kerja JAWHAR sepanjang tahun 2007 selain merupakan sumber rujukan kepada semua pihak yang ingin mengetahui peranan dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JAWHAR.

Akhir kata, saya mendoakan agar JAWHAR sentiasa mampu dan mampu mencipta kejayaan demi kejayaan pada masa hadapan untuk kegemilangan ummah seluruhnya. Insya Allah.

و السلام

Dato' Raja Hydar bin Raja Iskandar
Timbalan Ketua Setiausaha
Jabatan Perdana Menteri

Dari Meja Ketua Pengarah JAWHAR



“ Tahun 2007 merupakan tahun bersejarah apabila JAWHAR telah melancarkan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) yang telah dirasmikan oleh YB Dato’ Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 30 November 2007. ”

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh YAB Dato’ Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Manakala, pelancaran rasmi JAWHAR pula telah disempurnakan pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H oleh YB Dato’ Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kerahmatan-Nya, Laporan Tahunan JAWHAR 2007 ini dapat diterbitkan. Penerbitan Laporan Tahunan JAWHAR ini merupakan satu wadah untuk menampilkan ketelusan serta mencerminkan budaya kerja yang tinggi di JAWHAR. JAWHAR tidak pernah menerima arahan untuk menerbitkan laporan tahunan ini, bagaimanapun ia merupakan langkah proaktif yang telah diambil bagi berkongsi setiap aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2007 yang lalu bersama-sama *stake-holders* dan juga pelanggan.

Penubuhan JAWHAR ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat, mal dan haji di seluruh negara lebih sistematik, tersusun dan berkesan.

Tahun 2007 juga merupakan tahun bersejarah apabila JAWHAR telah melancarkan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) yang telah dirasmikan oleh YB Dato’ Dr Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 30 November 2007. Selain itu juga, penjenamaan JAWHAR telah digunakan secara rasmi untuk Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Perkataan JAWHAR ini adalah amat sinonim dengan hasrat dan motto jabatan “Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad” iaitu untuk melahirkan warga kerja yang cemerlang, berdedikasi dan profesional.

Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) ini adalah sebagai garis panduan perancangan (*blue-print*) bagi tempoh lima tahun akan datang. Ia juga adalah sebagai salah satu strategi jabatan untuk menjadi sebuah jabatan Kerajaan yang terunggul dan mantap.

Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) ini telah diperincikan supaya sentiasa sejajar dan menepati aspirasi dan dasar semasa Kerajaan dalam *core business* JAWHAR. Dengan pelaksanaan pelan strategik ini, visi JAWHAR untuk menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dengan memacu

kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal, dan haji bertaraf dunia akan dapat dirintis dengan jayanya.

Untuk menempa era keterbilangan masa depan JAWHAR, satu projek yang dikenali "JAWHAR 2020" telah digarapkan agar JAWHAR bakal menjadi sebuah jabatan Kerajaan yang tersohor, bereputasi tinggi di peringkat global, didokongi warga kerja kompeten serta berprestasi tinggi dan menjadi sebutir permata kebanggaan perkhidmatan awam Malaysia secara keseluruhannya. Justeru, Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) merupakan langkah pertama ke arah menzahirkan matlamat terbilang ini.

Di samping itu, usaha pembangunan JAWHAR juga terus diperkuuhkan dengan menjalinkan kerjasama erat dengan Dubai Awqaf Foundation, Institusi Kajian Zakat Malaysia (IKAZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).


Semoga dengan adanya Laporan Tahunan JAWHAR ini dapat menzahirkan satu tadbir urus terbaik

dan telus dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Selain itu juga, tahun 2007 telah memperlihatkan kejayaan dan kegemilangan JAWHAR apabila berjaya memenangi "Pertandingan Pejabat Terbaik (Kategori B)" bersempena Majlis Sambutan Hari Kualiti Tahun 2007 di Jabatan Perdana Menteri.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga kerja JAWHAR yang banyak menyumbangkan tenaga dan idea yang bernes dalam setiap agenda pembangunan JAWHAR. Insya-Allah prestasi yang gemilang ini akan terus dipertingkatkan dan diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih. **والسلام**



Dr. Hj. Sohalmi Hj. Mohd Salleh

Sepintas Lalu

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merupakan agensi peringkat persekutuan yang telah dipertanggungjawabkan bagi memperkasakan dan memantapkan lagi institusi wakaf, zakat, mal dan haji negara. Penubuhan JAWHAR adalah kesinambungan kepada kecemerlangan sejarah pentadbiran dan pengurusan hal ehwal agama Islam di Malaysia. JAWHAR berganding bahu secara erat dan penuh persefahaman dengan agensi-agensi Islam yang lainnya sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Sesungguhnya JAWHAR adalah bukti komitmen tulus dan padu di peringkat Kerajaan Persekutuan bagi memartabatkan lagi kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan sesuai dengan konsep Pendekatan Islam Hadhari dalam pembangunan negara.

JAWHAR yang ditubuhkan secara rasmi pada 8 Oktober 2004 dan diletakkan di bawah Jabatan

Perdana Menteri kini beroperasi di Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. JAWHAR diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah.

JAWHAR mempunyai empat bahagian teras dan lima bahagian sokongan. Bahagian-bahagian teras tersebut ialah: Bahagian Wakaf, Zakat, Mal dan Haji. Bahagian sokongan terdiri daripada Bahagian Penyelidikan dan Penyelaras, Bahagian Undang-Undang, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Bahagian Teknologi Maklumat.

Sehingga Disember 2007, JAWHAR telah diperuntukkan kekuatan warga kerja seramai 85 orang yang terdiri daripada 31 pegawai peringkat pengurusan dan 54 anggota sokongan.



Maklumat Korporat



Maklumat Korporat

VISI

Menyedari harapan dan tanggungjawab besar yang diamanahkan dalam memajukan harta umat Islam, JAWHAR telah menetapkan visinya iaitu menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

MISI

Kejayaan merealisasikan visi ini disandarkan kepada tiga misi yang akan menjadi landasan kepada penjelmaan sebuah jabatan yang unggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji. Misi JAWHAR adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia;
- Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji; dan
- Memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

OBJEKTIF

Objektif penubuhan JAWHAR adalah untuk memastikan perancangan, penyelaras dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah.

DASAR KUALITI

Setiap warga kerja JAWHAR berlitzam untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti tinggi, profesional, responsif dan berintegriti yang berteraskan syariat Islam serta memenuhi kehendak stakeholders dan pelanggan.

FUNGSI

1. Merancang, membangun dan menyelaras pembangunan fizikal, perundangan dan institusi wakaf, zakat dan mal agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah;
2. Memberi khidmat nasihat dan maklum balas kepada Y.B. Menteri selaras dengan Peruntukan Akta Tabung Haji (A 535) mengenai isu-isu yang berkaitan perundangan, pelaburan dan pengurusan haji;
3. Menjalankan kajian, penyelidikan, penerbitan dan penyelaras mengenai isu-isu dan program-program pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan
4. Memberi khidmat sokongan dalam pengurusan pentadbiran, sumber manusia dan kewangan serta peningkatan kecekapan sistem maklumat (ICT) bagi Jabatan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Tabung Haji (LTH).

KOD ETIKA

Falsafah Pengurusan **JAWHAR** berteraskan kepada Prinsip **HIJRAH** iaitu:

- H** **H**emah dan Beradab
- I** **I**ntegriti dan Telus
- J** **J**ati Diri Kental, Komited dan Profesional
- R** **R**esponsif dan Menepati Masa
- A** **A**krab dan Kerja Berpasukan
- H** **H**ikmah dan Berpengetahuan

PIAGAM PELANGGAN

JAWHAR beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah melalui pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan:

1. Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% program tahunan Jabatan mengenai institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan menjalin perkongsian pintar dengan MAIN, entiti zakat negeri, pusat-pusat kecemerlangan tempatan serta antarabangsa dan Lembaga Tabung Haji;
2. Menghasilkan 3 penerbitan setiap tahun berkaitan pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan institusi wakaf, zakat, mal dan haji;
3. Memberikan perkhidmatan sokongan kepada stakeholders dan pelanggan secara responsif, cepat dan berintegriti tidak lewat 2 hari bekerja;
4. Memberikan khidmat nasihat kepada stakeholders dan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas menerima pertanyaan;
5. Memberikan khidmat nasihat kepada Y.B. Menteri (apabila diarahkan) tidak lewat daripada 3 hari bekerja mengenai perkhidmatan haji dan pelaburan Lembaga Tabung Haji;
6. Mensasarkan aduan sifar terhadap jabatan oleh stakeholders dan pelanggan pada setiap tahun;
7. Memastikan pengurusan kewangan jabatan mengikut prosedur dan peraturan bagi memastikan peruntukan tahunan dibelanja sekurang-kurangnya 95%;
8. Memastikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) diadakan bagi setiap suku tahun;
9. Menjalankan 2 kali pengauditan dalam mengenai pengurusan dan kewangan jabatan selaras dengan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa; dan
10. Memastikan laman web jabatan sentiasa informatif dan dikemaskini sepanjang masa.

MOTTO

“Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad”

Motto JAWHAR yang baru diperkenalkan menunjukkan harapan dan semangat JAWHAR meningkatkan kemajuan ummah serta membangunkan bidang-bidang teras ke tahap yang lebih tinggi. Pernah suatu masa dalam ucapan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Abdullah bin Ahmad Badawi pernah menyatakan "Pembangunan fizikal adalah penting dan pembangunan rohani adalah lebih penting". Sehubungan itu, warga JAWHAR akan sentiasa tidak akan meninggalkan unsur pembangunan rohani di samping menguruskan pembangunan fizikal dari sudut pembangunan sosio-ekonomi ummah ke arah keterbilangan.

SLOGAN

“Betulkan Yang Lazim, Lazimkan Yang Betul”

Slogan JAWHAR pula membawa pengertian yang sangat mendalam. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab warga JAWHAR digesa untuk melaksanakannya dengan kaedah yang terbaik. Ia juga menunjukkan komitmen JAWHAR yang sangat mementingkan kualiti dalam setiap tindakan yang bakal diambil. Sebagai manusia biasa kesilapan tidak mampu dielakkan secara total, namun tahap kesilapan tersebut dapat diminimumkan sekiranya setiap tindakan difikirkan dengan teliti, dirancang dengan baik serta dilaksanakan dengan sebaiknya. Namun kesilapan yang sama tidak seharusnya berulang kerana kata pujangga Islam "seseorang Muslim tidak akan terjatuh di dalam lubang yang sama dua kali."

Barisan Pengurusan JAWHAR




Berdiri dari kiri: En. Abu Bakar b. Manat, Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad, Pn. Norhazimah bt. Che Hassan, Pn. Noor Rita bt. Kassim, En. Mohd. Gunawan bin Che Aziz
Duduk dari kiri: En. Abdul Halim b. Abdullah, En. Abd. Ghafar b. Yusof, Y.Bng Dr. Hj. Sohaimi b. Hj. Mohd. Salleh, En. Ab. Rahim Zakaria dan En. Mohd Bakri b. Ibrahim

Carta Organisasi JAWHAR



Carta Organisasi JAWHAR

CARTA ORGANISASI JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI JABATAN PERDANA MENTERI



Majlis-Majlis Utama JAWHAR 2007



Majlis-Majlis Utama JAWHAR 2007

13 Februari 2007

Bengkel Nisab dan Gerakan Pemantapan Baitulmal. Bertempat di Hotel Putra, Kuala Lumpur.



14 Mac 2007

Masyuarat Penyediaan Manual Perakaunan Wakaf.



16 -18 Mac 2007

Pameran Islam Hadhari di Kepala Batas, Pulau Pinang.



14 Mei 2007

Lawatan Kerja Pusat Zakat Negeri Pahang.



17 Mei 2007

Pembentangan Kertas Kerja oleh Ketua Pengarah JAWHAR bertajuk " Peranan Agensi Perlancongan Dalam Meningkatkan Kualiti Pengelolaan Urusan Haji dan Umrah" Dalam Persidangan Umrah dan Haji 07 yang dianjurkan oleh pihak MATTA.

25 -27 Mei 2007

Family Day JAWHAR



29 Mei 2007

Lawatan Islamic Development Bank (IDB) ke Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR).



15 Jun 2007

Pembentangan Kajian Pengurusan Haji oleh CETREE, USM.



8 Jun 2007

Lawatan dan Pembentangan Kertas Kerja oleh IKaZ, UiTM ke JAWHAR.



21 Jun 2007

Lawatan Lembaga Tabung Haji (LTH) ke JAWHAR.



26 Jun 2007

Bengkel Perancangan Pembangunan dan Penyelarasan Harta MAL oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).



26-29 Julai 2007

Perkampungan Hadhari. Bertempat di Besut, Terengganu.



18 Ogos 2007

MoU bersama IKaZ, UiTM disaksikan oleh YB Menteri.



21 Ogos 2007

Lawatan Kerja YB Menteri ke JAWHAR.



22 Ogos 2007

Mesyuarat Enakmen Wakaf.



23 Ogos 2007

Lawatan delegasi daripada Filipina ke Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR).



28 Ogos 2007

Lawatan wakil Agensi Zakat Majlis Agama Islam Brunei ke Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR).



03-06 September 2007

Mesyuarat MABIMS di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur.



04 September 2007

Perbincangan Bersama Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).



07 September 2007

Forum Wanita dalam Undang-Undang Keluarga Islam anjuran PUSPANITA JAWHAR.



10 - 12 September 2007

Lawatan Kerja ke Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Fasa 2.



11 September 2007

Kursus Induksi Dalaman JAWHAR.



14 September 2007

Program Ihya' Ramadhan: Ceramah 1 Oleh Ustazah Nor Binti Badar.



24-26 September 2007

Kursus Pengurusan Tauhidik.



05 Oktober 2007

Majlis Iftar Ramadhan Bersama YB Menteri.



08 Oktober 2007

Perjanjian Pembangunan dan Pajakan Tanah di antara PTG, JAWHAR dan MAINPP bagi Projek Pembinaan Kompleks Pendidikan Al-Mashoor.

24 Oktober 2007

Majlis Hari Raya JPM.



27 Oktober 2007

Kursus Haji Perdana.



30 Oktober 2007

Seminar Kefahaman Pengurusan Kewangan Islam anjuran JAWHAR dalam program JAWHAR's Intellectual Discourse (JID).



31 Oktober 2007

Perhimpunan Bulanan JAWHAR.



2 November 2007

Majlis Hari Raya Agensi di bawah YB Menteri.



7-9 November 2007

Mesyuarat JKPBK Ke-5 (Bil.1/2007).



14 November 2007

Bengkel Pengenalan MS ISO 9001:2000 JAWHAR.

**19-21 November 2007**

Lawatan Kerja Operasi Haji Di Sabah.

**26-28 November 2007**

Lawatan Kerja Operasi Haji di Pulau Pinang.

**28 November 2007**

Hari Kualiti 2007 di JPM: JAWHAR diumumkan sebagai Pemenang Pejabat Terbaik di dalam Kategori B.



30 November 2007

Mesyuarat JPBK Bil.1/2007 Dan Pelancaran Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011).



3-4 Disember 2007

Kursus Intensif Haji JAWHAR.



6 Disember 2007

Majlis Perpisahan Mantan Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR.



6 Disember 2007

Perhimpunan Bulanan JAWHAR & Penyerahan Watikah Pelaksana Teras-Teras Strategik JAWHAR .



12 Disember 2007

Kajian Operasi Haji di Kelana Jaya.



13 Disember 2007

Kajian Pengendalian Operasi Haji 1428H.



26-29 Disember2007

Lawatan Kerja JAWHAR ke Jakarta.



27 Disember 2007

YB Menteri selamat pulang dari Tanah Suci.



Pembangunan Modal Insan



Pembangunan Modal Insan

Bidang wakaf, zakat, mal dan haji merupakan bidang-bidang yang penting di dalam ajaran Islam dan mempunyai impak secara langsung kepada pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi umat Islam. Bidang-bidang ini sangat memerlukan tadbir urus yang baik, pengurusan yang profesional dan kemahiran serta keilmuan yang khusus. Oleh yang

demikian, penekanan kepada aspek latihan sangat dititiberatkan oleh JAWHAR.

Pada tahun 2007, program-program latihan yang telah dijalankan dan dihadiri oleh warga kerja JAWHAR ialah sepetimana berikut:

KURSUS ANJURAN JAWHAR

BIL	KURSUS
1	Kursus Pembangunan Diri Dan Organisasi
2	Kursus Modul Pengurusan Tauhidik
3	Kusus Induksi Dalaman JAWHAR

KURSUS YANG DIHADIRI OLEH WARGA JAWHAR

BIL.	NAMA KURSUS
1.	Bengkel Pengenalan MS ISO 9001:2000
2.	Bengkel 'Key Performance Indicators' (KPI) Siri 2
3	Kursus Perkembangan Undang-Undang Sivil dan Syariah
4	Kursus Asas Faraid
5	Kursus Pengurusan Projek Pembangunan RMK-9
6	Kursus Pengurusan Perolehan Perkhidmatan Perunding Siri 2/2007
7	Kursus Teknikal Dan Pengurusan ICT
8	Kursus Pengendalian Stres Dalam Hubungan Interpersonal
9	Kursus Pengurusan Strategik
10	Kursus Haji Intensif 1428H/2007 JAWHAR
11	Kursus Penilaian Tahap Kecekapan 3 Siri 7 Bil 3 Tahun 2007
12	Kursus Siasah Syar'iyyah (ASAS)
13	Kursus Protokol Pegawai-Pegawai Jakim Bil 1

14	Kursus Asas Pembangunan Kepimpinan PTD
15	Kursus Ketelusan Tatacara Membuat Keputusan
16	Kursus Pengurusan Projek Secara Komprehensif
17	Kursus Islamic Banking & Capital Market
18	Course On Project And Contract Management For Results Including Project Management Of Goverment Project Under RMK-9
19	Kursus ITD Mega Guru Program The 360° Leader: Developing Your Influence from Anywhere in the Organization
20	Kursus Kemahiran Pengurusan
21	Kursus Penyampaian Perkhidmatan Berkesan
22	Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan
23	Kursus Penjimatan Kos Melalui Aplikasi Kaizen
24	Kursus Pengurusan Sumber Manusia
25	Kursus Pengurusan Sumber Manusia, JPM
26	Kursus Pengurusan Zakat Dan Baitulmal
27	Kursus Pembangunan Diri & Organisasi
28	Latihan Aplikasi HRMIS di bawah JPM- Fasa 2
29	Bengkel Multimedia – Digital Animation 1/2007
30	Web 2.0: The Emerging Trends in Web Technology Seminar
31	Kursus Kewangan – Analisa Penyata Kewangan
32	Kursus Pengurusan Pertubuhan Berkualiti Peringkat Wilayah Persekutuan, KL
33	Kursus Haji Intensif 1427H/2007 JAWHAR
34	Kursus Pengurusan Perolehan Awam Bil. 01/2007
35	Kursus Kepimpinan Berkesan PPT N27
36	Kursus Penyelarasan Hal-Hal Perkhidmatan JPM
37	Kursus Bahasa Inggeris
38	Kursus Pengurusan Aset, Pelupusan dan Hapuskira
39	Kursus Pembinaan Personaliti Positif

40	Kursus Kenegaraan Sistem Saran Malaysia PTK1
42	Kursus Ke Arah Meningkatkan Mutu Pengurusan Pejabat Dan Tugas Yang Cemerlang
43	Kursus Bina Negara Khas Kump. Sokongan Siri 1/2007
44	Kursus Pembelian Terus dan Kontrak Pusat
45	Kursus Pembinaan Kumpulan (Team Building)
46	Bengkel Pengurusan Tatatertib
47	Kursus Sebut Harga Bekalan dan Perkhidmatan
48	Kursus Memupuk Pemikiran Kritis dan Kreatif
49	Kursus Photography
50	Kursus Khidmat Pelanggan Berbudi Bahasa, JPM
51	Kursus Kecemerlangan Pembantu Tadbir & Kesetiausahaan
52	Kursus Pertinent Provisions for Development, Latest Amendment 2007 And New Land Legislation 2007
53	Kursus Fail Meja Dan MPK
54	Kursus Pengendalian Mesyuarat & Penulisan Minit
55	Kursus Perundingan Sebagai Kemahiran Interpersonal
56	Kursus Penyelenggaraan Buku Vot
57	Kursus Pengenalan dan Asas PT(Kes) Gred N17
58	Kursus Telefon Berkualiti (Perkhidmatan Pelanggan)
59	Kursus Pengenalan Dan Asas Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17
60	Kursus Pengenalan Dan Asas Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17
61	Kursus Pengurusan Sistem Fail dan Rekod
62	Kursus Team Building, JPM
63	Kursus Induksi Khusus Kumpulan Sokongan Gred1-14 Bil. 7/2007
64	Kursus Kenegaraan Sistem Saran Malaysia PTK1

Program Kerjasama Dan Perkongsian Pintar Dengan Pusat-Pusat Kecemerlangan Dalam Dan Luar Negeri

Bagi memastikan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dapat terus dimantapkan, ia memerlukan jalinan kerjasama dan kemahiran yang lebih luas; untuk itu JAWHAR telah mengambil inisiatif mengadakan kerjasama pintar dengan agensi dan pusat kecemerlangan dalam dan luar negeri.

Beberapa program kerjasama pintar telah dapat diadakan:

1) Perjanjian Persefahaman (MoU) telah diadakan bersama

- i. Islamic Development Bank, Islamic Chambers of Commerce bagi tujuan penubuhan Lembaga Zakat Antarabangsa
- ii. General Council For Islamic Bank juga bagi tujuan penubuhan Lembaga Zakat Antarabangsa
- iii. Institut Kajian Zakat (IKaZ), Universiti Teknologi MARA bertujuan mengadakan perkongsian pintar di dalam bidang wakaf, zakat dan mal.

2) Program-program dengan kerjasama agensi

Iain

- i. Mengambil bahagian di dalam Singapore International Waqf Conference 2007, 6-7 Mac 2007
- ii. Mengambil bahagian di dalam Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM), Negara OIC di Jeddah, Arab Saudi, 14-17 April 2007.
- iii. Menyertai dan membentangkan kertas kerja dalam Persidangan Umrah dan Haji 2007 dianjurkan oleh pihak Malaysia Association of Tour and Travel Agents (MATTA), 17 Mei 2007.
- iv. Perbincangan dan kerjasama dengan Dubai Awqaf and Minors Affairs Foundation, Government of Dubai, 23 Julai 2007.
- iv. Lawatan kerja 5 pegawai JAWHAR ke Agensi Waqaf di Jakarta dan Bandung, Indonesia, 26 – 29 Disember 2007.

3) Program latihan praktikal oleh Mahasiswa di JAWHAR

PROGRAM LATIHAN PRAKTIKAL

BIL	PRAKTIKAL	BAHAGIAN	DARI	TARIKH MULA - TARIKH TAMAT
1	Ruhaizah binti Kalam	Haji	UUM Sintok, kedah	03.12.2007 - 03.04.2008
2	Haidatul Azia binti Husin	BTM	UUM Sintok, kedah	03.12.2007 - 03.04.2008
3	Suhana Delila binti Hamzah	MAL	UUM Sintok, kedah	03.12.2007 - 03.04.2008
4	Nor Hidayah binti Jaafar	Zakat	UUM Sintok, kedah	03.12.2007 - 03.04.2008
5	Nurul Ashikin binti Shaari	MAL	UUM Sintok, kedah	03.12.2007 - 03.04.2008
6	Nurulbadriah binti Rehan	BKPSM	KUIS, Selangor	01.10.2007 - 31.12.2007
7	Anisah binti Abdul Rahim	BKPSM	KUIS, Selangor	01.10.2007 - 31.12.2007
8	Nor Afidazh binti Che Ali	BTM	UKM, Bangi	09.07.2007 - 29.11.2007
9	Juliana binti Ahmad	BTM	UKM, Bangi	09.07.2007 - 29.11.2007

KHIDMAT NASIHAT

Pada tahun 2007, pegawai-pegawai JAWHAR telah dijemput membentangkan kertas kerja; memberikan ceramah dan latihan dalam persidangan-persidangan serta program-program latihan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa seperti berikut:

BIL.	PEMBENTANG	SEMINAR / PERSIDANGAN / PROGRAM LATIHAN	TAJUK
1	Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Ceramah Pelan Strategik	Pelan Strategik JAWHAR
2	Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Bengkel Pelan Strategik JPM, Akademi Audit Negara	Pelan Strategik JAWHAR
3	Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Pembentangan Pelan Strategik, Majlis Agama Islam Selangor	Pelan Strategik JAWHAR
4	Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh	Hari Kualiti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Kualiti Menurut Perspektif Islam
5	Abd. Halim Abdullah	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan, Cristal Crown, Petaling Jaya	Pembentangan Kertas Makluman Lawatan Kerja Pemantauan Pengurusan & Pengendalian Operasi Haji Bagi Musim 1428H/2007M
6	En. Abu Bakar Bin Manat	Kursus Undang- undang Keterangan Islam (Peringkat Asas di ILIM, Bangi)	Pembuktian Kes Di Mahkamah Melalui Keterangan Saksi Pakar
7	En. Abu Bakar Bin Manat	Persidangan Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara di Kuching, Sarawak	Isu-Isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf
8	En. Abu Bakar Bin Manat	Mesyuarat Khas Pengarah- Pengarah Tanah Malaysia	Penyeragaman Tafsiran Melayu Dalam Enakmen Rizab Melayu (Erm) Untuk Negeri-Negeri Di Semenanjung Malaysia Dengan Mengiktiraf Majlis Agama Islam Negeri (Main) Sebagai Melayu: Satu Anjakan Kepada Pembangunan Sosio-Ekonomi Ummah
9	En. Abu Bakar Bin Manat	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan Bil 5/1/2007	Model Rang Undang-Undang Enakmen Wakaf Yang Seragam

BIL.	PEMBENTANG	SEMINAR / PERSIDANGAN / PROGRAM LATIHAN	TAJUK
10	En. Ab. Rahim Zakaria	Persidangan Cukai dan Zakat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur	Pengurusan Zakat Kontemporari
11	Mohd Gunawan Che Ab Aziz	Bengkel Kecerdasan Spiritual Dan Doping Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil	SQ Terbilang
12	Mohd Gunawan Che Ab Aziz	Kursus Pemantapan Daya Saing, Kem. Belia Dan Sukan 29 - 31 Oktober 2007 & 24-25 November 2007	SQ Terbilang
13	Mohd Gunawan Che Ab Aziz	Kursus Kesejahteraan Minda, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 1 November 2007	Kecerdasan Spiritual
14	Mohd Gunawan Che Ab Aziz	Majlis Pentauliahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (Akram) Tahun 2007	"AKRAM dan Budaya Kerja Kelas Pertama"
15	Mohd Gunawan Che Ab Aziz	The Self Development Programme, IIUM	Aplikasi Brain Gym di dalam Organisasi



Anugerah Dan Pencapaian JAWHAR 2007

Anugerah Dan Pencapaian JAWHAR 2007

ANUGERAH

Bagi tahun 2007, JAWHAR telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan. Antaranya:

1. Johan dalam Pertandingan Pejabat Terbaik (Kategori B) sempena Majlis Sambutan Hari Kualiti 2007 Jabatan Perdana Menteri yang diadakan pada 27 November 2007.
2. Menerima penghargaan dari YB Menteri kerana menyertai Aktiviti Gerai (Kategori Pameran) Sempena Perkampungan Islam Hadhari Peringkat Parliment Besut yang diadakan pada 27 hingga 29 Julai 2007.
3. Menerima penghargaan menyertai Pertandingan Gerai Terbaik Sempena Majlis Jamuan Hari Raya Jabatan Perdana Menteri 2007 yang diadakan pada 24 Oktober 2007.



JURNAL PENGURUSAN

1. Jurnal Pengurusan JWZH Vol 1, No.1, 2007

BULETIN

1. Buletin Bil.1/2007
2. Buletin Bil.2/2007
3. Buletin Bil.3/2007
4. Buletin Bil.4/2007



LIPUTAN MEDIA

1. Majlis Pelancaran Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) oleh YB Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di PICC pada 30 November 2007
2. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan (JPBK) Bil. 1/2007 di PICC pada 30 November 2007 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
3. Majlis menandatangani MoU antara JAWHAR dengan IKaZ, UiTM dalam program memartabatkan ummah melalui kecemerlangan wakaf, zakat, mal, dan haji.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan Ke-5 diadakan di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Selangor pada 7 hingga 9 November 2007.



SUKAN, KEBAJIKAN DAN KEAGAMAAN

1. Menyertai pertandingan futsal anjuran PPZ Wilayah Persekutuan
2. Menyertai majlis jamuan raya agensi-agensi Islam pada 2 November 2007
3. Menjayakan Forum Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam pada 7 September 2007
4. Mengadakan Program Ihyā' Ramadhan pada 14, 21 & 28 September 2007

5. Mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Majlis Iftar Ramadhan bersama Anak-Anak Yatim pada 5 Oktober 2007
6. Menganjurkan Seminar Kefahaman Pengurusan Kewangan Islam pada 30 Oktober 2007
7. Menyertai Majlis Aprisiasi 50 Tahun Malaysiaku Gemilang peringkat agensi Islam pada 30 Ogos 2007
8. Mengadakan Program Hari Keluarga di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 26 Mei 2007





Tetamu JAWHAR

KUNJUNGAN

JAWHAR telah menerima dan melakukan beberapa kunjungan sepanjang 2007. Kunjungan dan lawatan ini memberi peluang untuk JAWHAR menjalinkan

kerjasama, perkongsian pengalaman, mengukuhkan silaturahim dan bertukar-tukar pendapat dan keakaran.

PROGRAM ANTARABANGSA

TARIKH	MENERIMA PELAWAT ANTARABANGSA	LAWATAN KERJA KE LUAR NEGARA JAWHAR
4 - 7 Mac 2007		Singapore International Wakaf Conference
23 - 30 Mac 2007		The Seventh International Zakat Conference dan Lawatan Kerja ke UAE (Kuwait)
14 - 17 April 2007		Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) Negara OIC mulai 14 hingga 17 April 2007
12 - 18 Mei 2007		Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara OIC (ICFM di Islamabad Pakistan)
28 Ogos 2007	Lawatan wakil Majlis Agama Islam Brunei, Indonesia, Malaysia Singapura (MABIM), Indonesia ke Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR)	-
23 Ogos 2007	Lawatan delegasi daripada Filipina ke Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR)	-
20 Oktober - 4 November 2007		Konferansi Zakat Asia Tenggara ke-2 (Padang Indonesia) Padang Sumatera Barat
29 Oktober 2007	Wakaf Foundation Dubai	-
13 Disember 2007 - 13 Januari 2008	-	Kajian Pemantauan Haji Musim 1428H di Tanah Suci Y.Bhg. Dr. Sohaimi Haji Mohd Salleh Bertugas Mengiringi Rombongan SPB Yang di-Pertuan Agong Mengerjakan Haji Pada Musim 1428H di Tanah Suci

TETAMU DALAM NEGARA

- 1 Lawatan wakil dari Pusat Kutipan Zakat Pahang pada 14 Mei 2007;
- 2 Lawatan sambil belajar rombongan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 22 Mei 2007;
- 3 Lawatan oleh Y.M Dato' Raja Haidar bin Raja Iskandar TKSU JPM pada 24 Mei 2007;
2. Kunjungan hormat oleh Institut Kajian Zakat (IkaZ) pada 8 Jun 2007;
3. Kunjungan hormat oleh CETREE, USM pada 15 Jun 2007;
4. Kunjungan Dr. Sami Al-Salahat wakil dari Dubai Awqaf And Minors Affairs Foundation, Government of Dubai pada 23 Julai 2007;
5. Kunjungan hormat rombongan dari Pejabat Seksyen Pembahagian Harta Pusaka Kecil (SPPK), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) pada 7 Ogos 2007; dan
6. Lawatan oleh YB Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 21 Ogos 2007.

JAWHAR juga telah membuat lawatan dan kunjungan hormat sepanjang 2007 untuk menjalinkan kerjasama, perkongsian pengalaman, mengukuhkan silaturahim dan bertukar-tukar pendapat dan kepakaran.

1. Lawatan kerja ke Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang dan Johor pada 22 Mac 2007 hingga 12 April 2007;
2. Kunjungan hormat ke Pejabat Pusaka Kecil, JKPTG pada 2 Julai 2007; dan
3. Kunjungan hormat ke Lembaga Tabung Haji pada 17 Julai 2007.



JAWHAR Di Persada Media



ISU

Oleh: Noorzila Jamaludin

Tanah wakaf

Berpotensi dibangunkan secara komersial

3 5,727 hektar dengan nilai RM1.2 bilion. Itulah anggaran keluasan, dan nilai tanah wakaf di negara ini yang dibuat pada 2005. Sekali imbas, jumlah tersebut boleh dianggap besar dan mempunyai potensi untuk dibangunkan, serta manfaatnya disalurkan kepada umat Islam.



Dr. Sohami Mohd. Salleh

Statistik tersebut juga menunjukkan tahap kesedaran yang baik di kalangan umat Islam untuk berwakaf. Namun dahulu, ramai yang mewakafkan tanah untuk tujuan khas bagi pembangunan masjid dan tanah perkuburan, tetapi trend tersebut telah berubah. Sudah ada umat Islam yang bermurah hati mewakafkan harta mereka bagi tujuan am. Ini memungkinkan tanah-tanah tersebut dibangunkan untuk pelbagai tujuan yang boleh membantu mempertingkatkan kedudukan

ekonomi umat Islam seperti pembangunan kompleks pejabat di Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur, dan hotel wakaf di Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Perak.

Selain itu, para ulama di negara ini juga telah menjalankan kajian sekitar hukum wakaf sehingga memungkinkan harta-harta wakaf tidak lagi dianggap statik serta sukar dibangunkan. Sebagai contoh, sudah ada kefahaman bahawa tanah wakaf khas di kawasan komersial boleh diisytihada atau digantikan dengan tanah di kawasan lain dengan nilai yang sama, manakala tanah asal yang mempunyai nilai komersial tinggi boleh dibangunkan dengan projek-projek pembangunan ekonomi untuk manfaat umat Islam. Sementara manfaat daripada tanah wakaf yang diganti masih mengikut niat asal pewakaf.

Namun seperti yang umum tahu, tanah-tanah wakaf adalah terletak di bawah bidang kusa negeri-negeri, dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang amanah, serta bertanggungjawab mengurus dan membangunkannya mengikut amanat pewakaf. Bagaimanapun keterbatasan MAIN, terutama dari segi sumber modal, tidak memungkinkan tanah-tanah wakaf tersebut dibangunkan secara lebih ekonomik.

Menyedari hal itu juga, kerajaan telah memberi tumpuan khusus dalam pembangunan harta wakaf. Hal ini diterangkan oleh Ketua Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, Dr. Sohami Mohd. Salleh, yang ditemui di pejabatnya di Putrajaya.

FORUS

Hala Tuju JWZH Bentuk Perundangan Seragam dan Pengurusan Korporat

JABATAN Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH) yang ditekankan di Jabatan Perdana Menteri ditubuhkan pada 2004 dan hari ini mempunyai pelbagai program jangka pendek dan panjang, di dalam dan luar negara, berhubung tanggungjawabnya.

Pengubahan Draf Akta Zakat dan Fitrah Wilayah Persekutuan diakiri, secara langsung, akan memberi impak yang besar kepada masyarakat Muslim untuk mengetepikan tololahan mengenai keleluhan-keleluhan dalam tadbir urus institusi zakat dan dikalangan pegawai zakat yang mengutip atau mengagihkan zakat.

Dalam usaha ke arah keseragaman Enakmen/Aktu khusus zakat di bawah pentadbiran perundangan syariah, hala tuju JWZH adalah untuk menyenggarakan pengurusan institusi zakat.

Selain itu JWZH juga berperanan menyatakan tiinstitusi-institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji di peringkat negeri di bawah satu sistem pengurusan dan perundangan yang seragam dan profesional.

Selama ini peruntukan undang-undang dan isu-isu berkaitan adalah berbeza di bawah pentadbiran negeri masing-masing.

Dalam temu bual wartawan DALIA ISMAIL dengan KETUA PENGARAH JWZH DR. SOHAIMI MOHD SALLEH yang memegang Ph.D dalam bidang kewangan menegaskan peranannya MAIN dan PPZ amatlah penting bagi meningkatkan penerangan, tarbiyah melalui pendidikan, pemahaman dan keselarasan umat Islam terhadap kewajibuan mereka membayar zakat, dikalangan masyarakat.

Pun begitu tegas Dr. Sohaimi lagi, kewujudan JWZH bukan bertujuan menghapuskkan kuasa Sultan atau negeri terhadap isu-isu berkaitan wakaf, zakat dan haji tetapi ia hanya merangkumi soal pernyelaras dan keseragaman saluh.

40 MILAH MUSIM

Masalah jemaah haji dikaji

GEORGETOWN: Universiti Sains Malaysia (USM) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar), Jabatan Perdana Menteri bekerjasama meningkatkan penelitian dan pengembangan haji supaya pengurusannya dapat dijalankan lebih sistematis.

Nahib Canselornya, Prof Datuk Dr Zukifli Abdul Razak, berkata Jawhar akan terbabit secara langsung dengan USM untuk menjalani masalah jemaah haji dan cara mengatasinya.

"Kerjasama ini adalah usaha membangunkan khazanah ummah supaya tanggungjawab faridh kifayah dapat dilaksanakan, sekaligus membantu

economii dan modal insani umat Islam," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara USM dan Jawhar bagi Program Kebersamaan dan Pengurusan Mal dan Keemerosan Zakat, Wakaf, Mal dan Haji di sini semalam. Turut hadir Ketua Pengarah Jawhar, Dr Sohaim Mohd Salleh.

Duzikfli berkata, sejak dua tahun lalu, USM berjaya serinsis dalam penyelidikan haji dan sudah bekerjasama dengan Universiti Ummu Al-Qura di sana.

Beliau berkata, antara langkah awal USM ialah mengantara kira-

pulan pertama 26 orang untuk membuat penyelejuran ke Makkah dan 22 orang sudah pulang ke tanah air Rabu lalu.

Katanya, kumpulan itu menjalankan penyelidikan berkaitan kesahanatan jemaah, sistem pemerintahan tajaga, keperluan pendidikan dan lain-lain.

"Jawhar tertarik dengan usaha



Dokumentari istimewa zakat, wakaf dalam Infaq

Oleh Rozdan Mazalan

PENGISIAN utama berkisar mengenai wakaf, zakat dan mal merangkumi aspek hukum, pemahaman serta amalan yang diamalkan menjadinya dalam program *Infaq*.

Program dokumentari yang disiarkan di RTM1 setiap Isnin, jam 6.30 petang adalah inisiatif Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhah) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta produksi di bawah Syarikat Penerbitan Handy Pro Sdn Bhd.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin berkata, program ini banyak menyelitkan maklumat yang relevan bagi meningkatkan pemahaman terhadap amalan zakat yang menjadi Rukun Islam ketiga.

"Amalan wakaf dan penyuburan harta mal memparaskan realiti penghayatan semangat saling membantu sesama umat Islam.

"Program ini diharap dapat menarik minat dan kegairahan orang ramai untuk tampil berwakaf dan berzakat demi pembangunan ummah," katanya pada majlis pelancaran program itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya,

baru-baru ini.

Ketua Pengarah Jawhah, Dr Sohaimi Mohd Salleh berkata, Infaq diterbitkan dengan niat meningkatkan kesedaran umum mengenai potensi mempertingkatkan ekonomi serta kebaikan dan kekuatan umat Islam menerusi dana wakaf, zakat dan mal.

"Segala dana yang terkumpul di Majlis Agama Islam Negeri (Main) mahupun Jabatan Agama Negeri adalah sememangnya jelas untuk umat Islam semata-mata.

"Pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Main dan Jabatan Agama Negeri dalam mengagih serta mempergunakan dana itu demi kepentingan umat Islam dan saya rasa kecemerlangan peranan mereka selayaknya dikongsikan bersama masyarakat umum," katanya.

Program *Infaq* yang bertemakan Secupak Nikmat, Segantang Berkat disiarkan 13 episod dan akan dikendalikan oleh dua pengacara dalam tiga segmen utama iaitu Wawancara Infaq, Pilihan Infaq dan Realiti Infaq.

Segmen Wawancara Infaq akan dikendalikan oleh pengacara Wan Alshahili yang akan menemubual tetamu jemputan di studio dan berdiskusi mengenai



RASMI: Abdullah (dua dari kiri) melancarkan program Infaq di Putrajaya, baru-baru ini.

aspek praktikal serta isu semasa yang berkaitan dengan amalan wakaf, zakat dan pengurusan harta mal.

Pilihan Infaq adalah segmen yang menemubual personaliti

yang terbabit secara langsung dengan pengurusan wakaf bagi negeri terpilih dalam mengupas aspek praktikal pengurusan dana dan harta itu.

Segmen ketiga Realiti Infaq

akan menyaksikan Mohd Ridzuan Abdul Ghani sekali lagi menyusuri pengalaman responden yang mendapat manfaat dari agihan zakat serta peruntukan wakaf dan mal.

BERITA HARIAN

Pelan mantap urusan agama

Jawhar lancar empat manual

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) semalam melancarkan Pelan Strategik Jawhar 2007-2011 dan empat Manual Pengurusan Jawhar bagi memantapkan pentadbiran dan pengurusan institusi wakaf, zakat dan haji di negara ini.

Empat manual itu ialah Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf, Manual Pengurusan Agihan Zakat, Manual Pengurusan Harta Luqatah dan Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah.

Sebelum ini, Jawhar menerbitkan

Manual Pengurusan Harta Wakaf untuk diguna pakai semua Majlis Agama Islam Negeri dalam mendafir dan menguruskan harta wakaf.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin, berkenaan berkoperasi pada Oktober 2004. Jawhar memperkenalkan pelbagai pendekatan bagi menyelaras urusan wakaf, zakat dan haji di seluruh negara.

"Pelan Strategik Jawhar 2007-2011 bakal menjadi garis panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk mengendalikan segala urusan membabitkan wakaf, zakat dan haji," katanya pada majlis pelancaran pelan itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Mohtar Abas; TKSU JPM, Datuk Raja Hydar Raja Iskandar dan Ketua Pengarah Jawhar, Dr Sohaimi Mohd Salleh.



JADI PANDUAN: Dr Abdullah melancarkan Pelan Strategik Jawhar 2007-2011 dan empat Manual Pengurusan Jawhar sambil diperhatikan Dr Sohaimi (kiri) di Putrajaya, semalam.

Mengulas mengenai Mesyuarat Jawhah antaranya Penyerahan Baitulmal Kebangsaan yang diadakan semalam, Dr Abdullah berkata, beberapa negeri menyatakan hasrat membina

Putra dan menaikkan taraf Pusat Rawatan Islam (Pusrawi) kepada sebuah hospital yang setaraf hospital swasta lain dikagumi beberapa negeri," katanya.

"Kejayaan MAIWP membina Hotel

"Pelan jadi garis panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri untuk kendalian wakaf, zakat dan haji"

Dr Abdullah Md Zin
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Hotel Wakaf pertama di Terengganu

Oleh MOHD. FAIRUZ YUSOF

SEKTOR pelancongan merupakan salah satu industri yang kian berkembang pesat dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan negara menerusi industri itu.

Para pelancong pastinya akan mencari hotel-hotel yang sesuai sebagai tempat penginapan mereka sebelum memulakan perjalanan ke destinasi masing-masing.

Perkembangan itu secara tidak langsung menyaksikan kewujudan hotel-hotel baru bagi menampung jumlah permintaan penginapan bagi pelancong tempatan dan asing.

Menyedari tentang perkara itu, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JWZH) turut memainkan peranan dengan mencebur industri perhotelan apabila bercadang membina tiga hotel wakaf di bawah Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9).

Ketua Pengarah JWZH, Dr. Mohd. Sohaimi Mohd. Salleh berkata, projek pertama pembinaan hotel itu akan dijalankan di Kuala Terengganu dengan melibatkan kos sebanyak RM20 juta.

Menurutnya, hotel bertaraf tiga bintang itu turut mendapat kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) dan Yayasan Wakaf Kebangsaan (YWK) akan dilaksanakan tidak lama lagi.

"Pembinaan hotel tersebut yang akan dijalankan di tanah wakaf itu dijangka mengambil masa tiga tahun dan bercirikan Islam sebagai memenuhi tuntutan



MODEL hotel wakaf pertama bernilai RM20 juta yang akan dibina di Kuala Terengganu.

DR. MOHD.
SOHAIMI
MOHD. SALLEH

fardu kifayah," katanya kepada *Mega*, baru-baru ini.

Pembinaan projek itu akan dipantau oleh JWZH bagi memastikan tidak berlaku kepincangan. Apabila projek siap sepenuhnya, ia akan diambil alih oleh Maidam dan YWK bagi menjalankan pengurusan hotel baru itu.

Sohaimi berkata, selain Terengganu, hotel tersebut juga akan dibina di Melaka, Negeri Sembilan dan Perak.

Tambahnya, kemudahan yang disediakan juga sama seperti terdapat pada hotel lain di negara ini.

Pendapatan

"Hotel tersebut menjadi pemangkin dalam menjana peluang kerjaan di kalangan umat Islam di negeri terbabit sekali gus menambah pendapatan negara menerusi sektor tersebut," katanya.

Mengenai pembinaan projek tersebut di tanah wakaf, Sohaimi menjelaskan, tanah

tersebut bukan sahaja dikhaskan untuk pembinaan surau, masjid atau tanah perkuburan tetapi juga bagi tujuan lain demi pembangunan ummah.

Jika ini dibiarakan katanya, ia akan mengakibatkan kawasan itu terbiasa dan menjadi satu masalah kepada masyarakat di sekitarnya.

"Jika kita melihat negara Mesir, negara itu membina Universiti Al-Azhar di tanah wakaf dan para pelajar di situ tidak perlu membayar yuran pengajian.

"Mereka hanya memberi tumpuan pada pelajaran sehingga berjaya mendapat ijazah," katanya.

Sementara itu, JWZH akan menerbitkan empat buku iaitu *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*, *Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah*, *Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf* dan *Manual Pengurusan Aqiqah Zakat* bagi memperkasakan institusi wakaf, zakat, mal dan haji.

Sohaimi berkata, JWZH dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Tabung Haji telah berusaha untuk menerbitkan beberapa

Hotel tersebut menjadi pemangkin dalam menjana peluang kerjaan di kalangan umat Islam di negeri terbabit sekali gus menambah pendapatan negara menerusi sektor tersebut

siri buku manual pengurusan berkaitan keempat-empat bidang tersebut.

Tambahnya, usaha itu adalah selaras dengan pelaksanaan salah satu strategi teras JWZH iaitu mengukuhkan institusi wakaf, zakat, mal dan haji melalui program pendidikan dan pentarbiahan kepada masyarakat Islam.



Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan JAWHAR 2005-2007

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Dan Pembangunan JAWHAR 2005 - 2007

TAHUN	PERKARA	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	%
2005	Mengurus Pembangunan	4,596,088.00 0.00	2,403,175.26 0.00	52.79 0.00
JUMLAH		4,596,088.00	2,403,175.26	52.79
2006	Mengurus Pembangunan	6,440,883.75 0.00	5,590,933.28 0.00	87.48 0.00
JUMLAH		6,440,883.75	5,590,933.28	87.48
2007	Mengurus Pembangunan	5,693,995.78 417,972.06	5,562,207.55 416,800.00	99.16 99.72
JUMLAH		6,111,967.84	5,979,007.55	99.20